

Jenis Akhbar : Berita Harian

Tarikh : 13/04/2020

Edisi / Muka Surat : Nasional /19

Tajuk : Koperasi kredit didakwa bakal muflis

Koperasi kredit didakwa bakal muflis

Putrajaya: Koperasi kredit tempatan didakwa berdepan risiko muflis akibat kekangan pembayaran balik pinjaman peribadi susulan institusi kewangan dan institusi kewangan pembangunan tiada menyediakan perkhidmatan moratorium bagi tujuan itu.

Wakil gerakan itu, Datuk Mohamed Farid Zawawi, memaklumkan masalah itu turut menjejaskan aliran tunai lebih 14,417 koperasi di seluruh negara.

Justeru, beliau berkata, pihaknya menyarankan empat resolusi bagi menjadikan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) lebih berkesan dan

komprehensif dengan mengambil kira aspek kebajikan pengusaha koperasi.

“Cadangan itu ialah semua pinjaman daripada institusi kewangan dan institusi kewangan pembangunan kepada koperasi kredit diberikan moratorium selama enam bulan.

“Kedua, institusi kewangan dan institusi kewangan pembangunan perlu menyediakan sekurang-kurang RM10 bilion kemudahan pembiayaan mudah kepada koperasi kredit.

“Gerakan koperasi turut mencadangkan kerajaan memperuntukkan sekurang-kurang RM20 bilion pinjaman kadar rendah (*soft loan*) kepada gerakan ko-

operasi seperti diperuntukkan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

“Kami juga memohon kerajaan memberi pengecualian dan penangguhan pembayaran serta sumbangan statutori seperti cukai, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Skim Insurans Pekerjaan sama seperti dipanjangkan kepada PKS,” katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Beliau yang juga Pengerusi Koperasi Wawasan Malaysia Berhad (KOWAMAS) berkata, kerajaan perlu mempertimbang-

kan cadangan itu sewajarnya.

Beliau berkata, ia berikutan semua koperasi berdaftar merekodkan lebih enam juta ahli, rata-ratanya adalah golongan B40 dan M40 yang terkesan dengan keadaan tunai semasa yang meruncing akibat wabak COVID-19.

Katanya, hasil penelitian terhadap pakej rangsangan bernilai RM1.099 bilion untuk gerakan koperasi seperti yang diumumkan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), sebanyak RM1.032 bilion adalah dana dalaman koperasi sendiri, manakala baki RM67 juta ialah dana disediakan kerajaan melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).